

Sel. P.U. 23.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM  
(NEGERI SELANGOR) 2003

KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE (NEGERI SELANGOR) 2008

SUSUNAN KAEDAH

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENUBUHAN JAWATANKUASA PEGUAM SYARIE

3. Penubuhan Jawatankuasa
4. Keahlian Jawatankuasa
5. Penamatan khidmat dan peletakan jawatan
6. Mesyuarat Jawatankuasa
7. Fungsi Jawatankuasa

BAHAGIAN III

PEGUAM SYARIE

8. Kelayakan sebagai Peguam Syarie
9. Permohonan
10. Bantahan
11. Perakuan
12. Pemberitahuan
13. Sijil Peguam Syarie
14. Perisytiharan oleh Mahkamah Tinggi Syariah

## Kaedah

15. Sijil Amalan Guaman Syarie
16. Daftar Peguam Syarie

## BAHAGIAN IV

## PROSEDUR TATATERTIB

17. Tindakan tatatertib
18. Aduan terhadap Peguam Syarie
19. Siasatan
20. Kuasa Majlis mengeluarkan perintah
21. Permohonan untuk dikeluarkan nama dari Daftar
22. Permohonan untuk dilantik semula sebagai Peguam Syarie

## BAHAGIAN V

## PERUNTUKAN AM

23. Mengemukakan Sijil Amalan Guaman Syarie
24. Pembaharuan Sijil Amalan Guaman Syarie
25. Sekatan
26. Penalti
27. Pemansuhan dan kecualian

JADUAL 1

JADUAL 2

JADUAL 3

JADUAL 4

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM  
(NEGERI SELANGOR) 2003

KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE (NEGERI SELANGOR) 2008

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*Enakmen No. 1 tahun 2003*], Majlis dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat Kaedah-kaedah seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Negeri Selangor) 2008**.

(2) Kaedah-kaedah ini hendaklah berkuat kuasa pada 20 November 2008.

**Tafsiran**

2. Dalam Kaedah-kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Daftar Peguam Syarie” ertinya Daftar Peguam Syarie yang disebutkan di dalam kaedah 16;

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Peguam Syarie yang ditubuhkan di bawah kaedah 3;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam Negeri Selangor yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003;

“Peguam Persekutuan” ertinya pegawai di dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan yang dilantik sebagai Peguam Persekutuan; dan

“Peguam Syarie” ertinya seseorang yang telah diterima masuk sebagai Peguam Syarie di Mahkamah Tinggi Syariah dan didaftarkan di bawah Kaedah-kaedah ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain sebelum Kaedah ini berkuat kuasa.

## BAHAGIAN II

## PENUBUHAN JAWATANKUASA PEGUAM SYARIE

**Penubuhan Jawatankuasa**

3. Majlis hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa yang dipanggil "Jawatankuasa Peguam Syarie".

**Keahlian Jawatankuasa**

4. (1) Jawatankuasa hendaklah terdiri dari—

- (a) Ketua Hakim Syarie, sebagai Pengerusi;
- (b) Penasihat Undang-Undang Negeri atau wakilnya;
- (c) seorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia yang dilantik oleh Ketua Pengarah;
- (d) seorang Hakim kanan Mahkamah Tinggi Syariah;
- (e) Ketua Pendakwa Syarie;
- (f) seorang Peguam Syarie sebagai wakil Peguam-peguam Syarie; dan
- (g) seorang yang berkemahiran dalam Hukum Syarak.

(2) Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa.

(3) Ahli Jawatankuasa yang disebut di dalam subkaedah (1) ini hendaklah beragama Islam.

(4) Ahli Jawatankuasa yang disebutkan di dalam perenggan (1)(f) dan (g) hendaklah dilantik oleh Majlis.

(5) Tertakluk kepada kaedah 5, seseorang ahli Jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan (1)(f) dan (g) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tiga tahun dan dia adalah layak dilantik semula.

**Penamatan khidmat dan peletakan jawatan**

5. (1) Pelantikan seseorang ahli Jawatankuasa di bawah perenggan 4(1)(f) dan (g) boleh pada bila-bila masa ditamatkan oleh Majlis tanpa memberi sebarang sebab mengenainya.

(2) Seseorang ahli Jawatankuasa boleh meletakkan jawatan pada bila-bila masa dengan menghantar notis kepada Majlis melalui Pengerusi Jawatankuasa.

**Mesyuarat Jawatankuasa**

6. (1) Pengerusi Jawatankuasa hendaklah mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa dan jika Pengerusi tidak hadir, ahli yang hadir boleh melantik salah seorang dari mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(2) Pengerusi dan tiga ahli Jawatankuasa yang lain hendaklah membentuk kuorum bagi mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.

(3) Keputusan mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dibuat secara bermesyuarat dan hendaklah secara sebulat suara atau lebih suara ahli yang hadir.

(4) Tertakluk kepada Kaedah-kaedah ini dan apa-apa arahan Majlis, Jawatankuasa boleh menetapkan prosedurnya sendiri.

### Fungsi Jawatankuasa

7. Jawatankuasa hendaklah mempunyai fungsi seperti berikut:

- (a) untuk membuat perakuan kepada Majlis mengenai kelayakan mana-mana orang yang memohon untuk dilantik sebagai Peguam Syarie oleh Majlis;
- (b) untuk membuat perakuan kepada Majlis sama ada nama mana-mana Peguam Syarie itu harus di gugurkan daripada Daftar Peguam Syarie atau sama ada mana-mana Peguam Syarie itu hendaklah digantung dari menjalankan amalan sebagai Peguam Syarie atau diberi amaran;
- (c) untuk menjalankan fungsi lain yang berkaitan dengan fungsi yang disebutkan di bawah perenggan (a) dan (b).

## BAHAGIAN III

### PEGUAM SYARIE

#### Kelayakan sebagai Peguam Syarie

8. (1) Tertakluk kepada subkaedah (4), mana-mana orang yang memenuhi syarat yang berikut adalah layak untuk menjadi seorang Peguam Syarie:

- (a) seorang yang beragama Islam;
- (b) seorang warganegara Malaysia;
- (c) berkelakuan baik dan tidak pernah disabitkan di Malaysia atau di mana-mana tempat lain atas apa-apa kesalahan jenayah (di bawah Undang-undang bertulis), bukan seorang yang bankrap atau tidak pernah didapati bersalah atas apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang dinyatakan di dalam perenggan 33(6)(a), (b), (c), (e), (f), (h), (k) atau (l) Akta Kebankrapan 1967 [Akta 360];
- (d) tidak dipecat, hilang kelayakan atau digantung atas kapasitinya sebagai seorang Peguambela dan Peguamcara; dan
- (e) (i) memiliki Ijazah Sarjana Muda Syariah dari mana-mana Universiti atau mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan di dalam subkaedah (2); atau

- (ii) seorang peguambela dan peguamcara dan mempunyai Diploma Lulusan Ijazah dalam bidang Undang-undang Syariah dan amalan dari mana-mana universiti atau institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan telah menjalani latihan dalam kamar tidak kurang daripada tiga bulan;
  - (f) telah lulus ujian bertulis atau temuduga atau kedua-duanya sekali sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.
- (2) Penerimaan masuk sebagai Peguam Syarie di bawah subperenggan (1)(e)(i) hendaklah tertakluk kepada syarat berikut:
- (a) jika seseorang itu memiliki Ijazah Sarjana Muda Syariah dari mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia selain daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, dia hendaklah juga memiliki—
    - (i) Diploma Undang-undang Pentadbiran Kehakiman Islam daripada Universiti Islam Antarabangsa; atau
    - (ii) mana-mana Diploma Lulusan Ijazah yang setaraf dan diiktiraf oleh kerajaan Malaysia; dan
    - (iii) telah tamat latihan dalam kamar selama sembilan bulan di mana-mana firma guaman syarie;
  - (b) jika seseorang itu memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Syariah) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia atau setaraf dengannya, dia telah tamat latihan dalam kamar selama sembilan bulan dari mana-mana firma guaman syarie,

dengan syarat Jawatankuasa boleh, menurut budi bicaranya, mengecualikan seseorang berkecualan daripada menjalani sesuatu tempoh latihan dalam kamar atau sebahagian daripadanya apabila permohonan dibuat kepadanya dengan disokong oleh keterangan yang memuaskan bahawa ada hal keadaan yang mewajarkan tempoh latihan dalam kamar itu dikecualikan atau dipendekkan.

(3) Latihan dalam kamar hendaklah diselia oleh seorang Peguam Syarie yang sedang dan telah menjalankan amalan secara aktif di Malaysia bagi tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun sebelum sahaja latihannya bermula.

(4) Penasihat Undang-undang Negeri dan Peguam Persekutuan di Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Selangor atau pegawai yang dilantik di bawah Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26] hendaklah disifatkan telah dilantik sebagai Peguam Syarie oleh Majlis di bawah Kaedah ini dan kaedah 9 adalah tidak terpakai bagi pegawai itu dan, pegawai itu boleh, jika tugas rasmi memerlukan, mewakili mana-mana pihak dalam mana-mana Mahkamah.

### Permohonan

9. (1) Permohonan untuk dilantik sebagai Peguam Syarie hendaklah dikemukakan kepada Pengerusi Jawatankuasa dengan menggunakan borang yang ditetapkan dalam Jadual 1.

(2) Setiap permohonan hendaklah disokong oleh dua orang penyokong yang mana hendaklah terdiri dari mereka yang berikut:

- (a) Peguam Syarie;
- (b) Peguambela atau Peguamcara yang berdaftar di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976 [Akta 166];
- (c) Ahli Dewan Undangan Negeri;
- (d) Ahli Parlimen; atau
- (e) Pegawai kerajaan dalam Kumpulan A.

(3) Tiap-tiap pemohon, selepas permohonannya diserahkan kepada dan diakuterima secara bertulis oleh Pengerusi Jawatankuasa, hendaklah menampalkan satu salinan permohonannya di papan notis setiap Mahkamah Syariah di Selangor selama satu bulan.

#### **Bantahan**

10. Apa-apa bantahan mengenai permohonan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Pengerusi Jawatankuasa.

#### **Perakuan**

11. Jawatankuasa hendaklah mengemukakan perakuannya dalam masa empat belas hari selepas perakuan dibuat kepada Majlis.

#### **Pemberitahuan**

12. (1) Majlis hendaklah memaklumkan keputusannya kepada Jawatankuasa.

(2) Setelah menerima pemakluman daripada Majlis, Pengerusi Jawatankuasa hendaklah memberitahu kepada pemohon keputusan tersebut.

#### **Sijil Peguam Syarie**

13. (1) Kecuali mereka yang dilantik menurut subkaedah 8(4), dianggap sebagai telah dilantik menjadi Peguam Syarie dibawah Kaedah-kaedah ini, tiap-tiap orang yang dilantik menjadi Peguam Syarie hendaklah memiliki Sijil Peguam Syarie yang akan dikeluarkan kepadanya oleh Majlis setelah dia menjelaskan fi yang ditetapkan.

(2) Tiap-tiap Sijil Peguam Syarie hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Majlis sebagaimana ditetapkan dalam Jadual 2.

(3) Fi pendaftaran bagi tiap-tiap Sijil Peguam Syarie ialah lima ratus ringgit.

### **Perisytiharan oleh Mahkamah Tinggi Syariah**

14. (1) Kecuali mereka yang dilantik menurut subkaedah 8(4), dianggap sebagai telah dilantik menjadi Peguam Syarie di bawah Kaedah-kaedah ini, tiap-tiap orang yang telah dilantik oleh Majlis sebagai Peguam Syarie hendaklah sebelum dia boleh menjalankan amalan sebagai seorang Peguam Syarie, memohon supaya suatu perisytiharan pelantikannya sebagai seorang Peguam Syarie hendaklah terlebih dahulu dibuat oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

(2) Perisytiharan itu hendaklah dilakukan di Mahkamah terbuka.

### **Sijil Amalan Guaman Syarie**

15. (1) Setiap Peguam Syarie yang telah diisytiharkan penerimaannya oleh Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah, sebelum dia hadir dan mewakili mana-mana pihak dalam mana-mana Mahkamah, hendaklah memohon untuk mendapatkan Sijil Amalan Guaman Syarie.

(2) Jawatankuasa hendaklah mengeluarkan Sijil Amalan Guaman Syarie mengikut borang dalam Jadual 3 apabila dibayar fi sebanyak satu ratus ringgit.

(3) Sijil Amalan Guaman Syarie yang dikeluarkan di bawah subkaedah (2) hendaklah sah bagi tempoh dua belas bulan dan boleh diperbaharui dengan membayar fi yang ditetapkan dalam kaedah 24.

### **Daftar Peguam Syarie**

16. (1) Setiausaha Jawatankuasa hendaklah menyenggarakan suatu rekod mengenai pendaftaran semua Peguam Syarie, dan rekod itu hendaklah dipanggil "Daftar Peguam Syarie".

(2) Daftar Peguam Syarie hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) nama;
- (b) nombor kad pengenalan;
- (c) kelulusan;
- (d) nama di bawah mana ia menjalankan amalan atau nama firma;
- (e) alamat surat menyurat;
- (f) tarikh dilantik sebagai Peguam Syarie;
- (g) satu salinan perintah Perisytiharan Masuk oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah;
- (h) Sijil Amalan Guaman Syarie;
- (i) tarikh pengguguran pendaftaran (jika ada);



- (j) maklumat mengenai apa-apa tindakan tatatertib (jika ada) ke atas Peguam Syarie; dan
- (k) butir-butir lain sebagaimana diarahkan oleh Majlis atau Jawatankuasa dari semasa ke semasa.

#### BAHAGIAN IV

##### PROSEDUR TATATERTIB

##### Tindakan tatatertib

17. (1) Majlis boleh, atas sebab yang wajar, mengenakan tindakan tatatertib ke atas mana-mana Peguam Syarie mengikut peruntukan Bahagian ini.

(2) Sebab yang wajar itu boleh ditunjukkan dengan membuktikan bahawa Peguam Syarie itu—

- (a) telah berkelakuan mengikut apa-apa cara yang bertentangan dengan Hukum Syarak;
- (b) telah membuat apa-apa pernyataan awam sama ada secara lisan atau bertulis yang semunasabahnya boleh ditafsirkan sebagai menghina agama Islam atau Majlis;
- (c) telah disabitkan oleh mana-mana Mahkamah di Malaysia atau di mana-mana negara lain atas apa-apa kesalahan jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- (d) telah dengan sengaja atau tanpa apa-apa sebab yang munasabah enggan menjalankan kewajibannya terhadap kliennya;
- (e) telah melanggar tanggungjawabnya kepada Mahkamah yang termasuk apa-apa keagalannya untuk mematuhi akujanji yang diberikannya kepada Mahkamah;
- (f) telah melakukan dengan perbuatan atau perkataan atau dengan apa-apa cara yang boleh semunasabahnya ditafsirkan sebagai menghina Mahkamah;
- (g) mengenakan fi atau kos yang melampau mengikut semua hal keadaan, dalam ketiadaan apa-apa persetujuan bertulis, berhubung dengan perkhidmatan profesional yang diberikan kepada kliennya;
- (h) tidak jujur atau bertingkah laku secara fraud dalam melaksanakan tugasnya;
- (i) telah menawarkan atau memberi atau bersetuju memberi suapan kepada mana-mana orang kerana telah mendapatkan pekerjaan bagi dirinya atau mana-mana Peguam Syarie lain dalam apa-apa urusan undang-undang;
- (j) telah secara langsung atau secara tidak langsung mendapatkan atau cuba mendapatkan pekerjaan bagi dirinya atau bagi seseorang Peguam Syarie lain melalui atau dengan arahan seseorang yang kepadanya sesuatu saraan kerana mendapatkan pekerjaan itu telah diberi olehnya atau dipersetujui untuk diberi sedemikian;

- (k) telah menerima pekerjaan dalam apa-apa urusan perundangan melalui seorang penarik langganan;
  - (l) membenarkan mana-mana orang yang bukan seorang Peguam Syarie mengusahakan atau menjalankan urusan perundangan atas namanya atau firmannya tanpa orang itu berada di bawah kawalannya;
  - (m) menjalankan dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain yang diguna khidmat olehnya apa-apa tred, perniagaan atau kerjaya yang pada pendapat Majlis adalah tidak sesuai dengan kedudukannya sebagai Peguam Syarie;
  - (n) telah didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin yang ditubuhkan di bawah subseksyen 93(1) Akta Profesion Undang-undang 1976;
  - (o) telah diisytiharkan sebagai bankrap dan belum dilepaskan; atau
  - (p) telah melanggar atau mungkir mematuhi mana-mana peruntukan Kaedah ini atau mana-mana undang-undang bertulis, jika pada pendapat Majlis pelanggaran atau kemungkiran itu memerlukan tindakan tatatertib.
- (3) Dalam apa-apa prosiding di bawah Kaedah ini Majlis boleh, sebagai tambahan kepada fakta kes itu, mengambil kira kelakuan dan watak orang yang berkenaan pada masa yang lalu untuk menentukan perintah yang patut dibuat.

#### **Aduan terhadap Peguam Syarie**

18. Apa-apa aduan mengenai kelakuan seseorang Peguam Syarie atas sifat profesionalnya hendaklah dibuat kepada Pengerusi Jawatankuasa secara bertulis.

#### **Siasatan**

19. (1) Setelah menerima sesuatu aduan itu, Pengerusi Jawatankuasa hendaklah menyebabkan suatu siasatan diadakan.

(2) Tiap-tiap siasatan oleh Jawatankuasa hendaklah dijalankan secara dan setakat yang difikirkan adil dan munasabah menurut budi bicara mutlaknyanya dengan syarat bahawa sebelum ia menentukan bahawa siasatan hendaklah diadakan, ia hendaklah:

- (a) mengepos atau menyampaikan kepada Peguam Syarie yang berkenaan—
  - (i) suatu pernyataan bertulis menyatakan isi aduan itu; dan
  - (ii) suatu notis meminta Peguam Syarie yang berkenaan, dalam sesuatu masa (tidak kurang daripada empat belas hari) memberi kepada Jawatankuasa apa-apa jua penjelasan bertulis yang hendak diberinya dan memberitahu Jawatankuasa itu sekiranya ia suka supaya didengar oleh Jawatankuasa itu; dan

- (b) membiarkan masa yang dinyatakan dalam notis itu luput dan memberi Peguam Syarie yang berkenaan peluang yang berpatutan untuk didengar jika ia suka dan memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada apa-apa penjelasan yang mungkin dibuatnya.
- (3) Apabila siasatan telah selesai, Jawatankuasa hendaklah memberi suatu laporan tentang pendapatnya kepada Majlis; dan hendaklah juga membuat perakuannya sama ada Peguam Syarie berkenaan adalah bersalah atau tidak atas kesalahan yang diadukan itu.
- (4) Jika Jawatankuasa membuat perakuan bahawa Peguam Syarie berkenaan didapati bersalah atas kesalahan yang diadukan itu, Jawatankuasa hendaklah juga membuat perakuan mengenai hukuman yang patut dikenakan ke atas Peguam Syarie tersebut.
- (5) Tertakluk kepada Kaedah-kaedah ini, Jawatankuasa adalah berkuasa untuk mengawal selia prosedurnya sendiri berhubungan dengan perjalanan siasatannya ke atas apa-apa aduan.

#### **Kuasa Majlis mengeluarkan perintah**

20. (1) Majlis, apabila menerima laporan dan perakuan Jawatankuasa mengikut kaedah 19, hendaklah membuat mana-mana daripada perintah yang berikut sebagaimana difikirkan adil dan munasabah:

- (a) membuat perintah supaya nama Peguam Syarie berkenaan digugurkan daripada Daftar Peguam Syarie;
- (b) membuat perintah menggantung Peguam Syarie itu daripada menjalankan amalan bagi suatu tempoh yang difikirkan adil dan munasabah;
- (c) memberi amaran kepada Peguam Syarie itu; atau
- (d) membuat apa-apa perintah yang lain yang difikirkan adil dan munasabah.

(2) Dalam membuat apa-apa perintah di bawah Kaedah-kaedah ini, Majlis boleh, selain dari fakta kes itu, mengambil kira kelakuan dan watak orang yang berkenaan itu pada masa yang lalu untuk menentukan perintah yang patut dibuat.

#### **Permohonan untuk dikeluarkan nama dari Daftar**

21. (1) Seseorang Peguam Syarie boleh, tertakluk kepada Kaedah-kaedah ini, memohon kepada Majlis supaya namanya dikeluarkan daripada Daftar Peguam Syarie.

(2) Tiap-tiap permohonan itu hendaklah dibuat secara bertulis dan dikemukakan kepada Pengerusi Jawatankuasa serta disokong dengan affidavit.

(3) Jawatankuasa boleh atas sebab yang baik menghendaki pemohon itu supaya mengiklankan tujuannya hendak membuat permohonan itu mengikut apa-apa cara yang diarahkan oleh Jawatankuasa.

(4) Permohonan itu hendaklah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa dan Jawatankuasa kemudiannya hendaklah mengemukakan perakuannya kepada Majlis.

#### **Permohonan untuk dilantik semula sebagai Peguam Syarie**

22. (1) Tertakluk kepada Kaedah-kaedah ini, atas perakuan Jawatankuasa, Majlis boleh jika difikirkan adil dan munasabah melantik semula seseorang itu, yang namanya telah dikeluarkan atau digugurkan dari Daftar Peguam Syarie, sebagai Peguam Syarie.

(2) Sesuatu permohonan supaya seseorang itu dilantik semula sebagai Peguam Syarie hendaklah dibuat mengikut cara yang ditetapkan oleh Kaedah-kaedah ini bagi seseorang yang berhasrat untuk dilantik menjadi Peguam Syarie bagi kali pertamanya; tetapi bagi permohonan yang dibuat di bawah Kaedah ini, permohonan itu hendaklah disokong dengan affidavit yang menerangkan mengapa pemohon ingin dilantik semula untuk menjadi Peguam Syarie.

(3) Fi bagi setiap Sijil Peguam Syarie yang dikeluarkan di bawah kaedah ini ialah satu ribu ringgit.

### **BAHAGIAN V**

#### **PERUNTUKAN AM**

#### **Mengemukakan Sijil Amalan Guaman Syarie**

23. Setiap Peguam Syarie hendaklah mengemukakan Sijil Amalan Guaman Syarie jika dikehendaki oleh mana-mana Mahkamah Syariah.

#### **Pembaharuan Sijil Amalan Guaman Syarie**

24. (1) Tiap-tiap permohonan untuk pembaharui Sijil Amalan Guaman Syarie hendaklah dibuat kepada Jawatankuasa tidak lewat dari dua bulan sebelum tamat tempoh sijil itu.

(2) Permohonan hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual 4 dan hendaklah dikemukakan kepada Pengerusi Jawatankuasa.

(3) Fi bagi setiap Sijil Amalan Guaman Syarie yang diperbaharui adalah seperti berikut:

(a) jika permohonan untuk pembaharuan sijil itu dibuat dalam tempoh ditetapkan oleh subkaedah (1), finya ialah satu ratus ringgit;

(b) jika permohonan untuk pembaharuan sijil itu dibuat selepas tempoh ditetapkan oleh subkaedah (1), finya ialah seperti berikut;

(i) jika permohonan dibuat dalam tempoh kurang dari dua bulan sebelum tamat tempoh sijil itu, finya ialah dua ratus ringgit;

- (ii) jika permohonan dibuat dalam tempoh satu bulan selepas tamat tempoh sijil, finya ialah tiga ratus ringgit;
- (iii) jika permohonan dibuat selepas tempoh yang ditetapkan oleh subperenggan (b)(ii) tetapi dibuat dalam tempoh dua bulan selepas tamat tempoh sijil, finya empat ratus ringgit; dan
- (iv) jika permohonan dibuat selepas tempoh yang ditetapkan oleh subperenggan (b)(iii) tetapi dibuat dalam tempoh tiga bulan selepas tamat tempoh sijil, finya ialah lima ratus ringgit.

(4) Seseorang Peguam Syarie yang gagal memperbaharui Sijil Amalan Guaman Syariinya sehinggalah tamat tempoh tiga bulan sebagaimana yang ditetapkan oleh subperenggan (3)(b)(iv) tidak akan dibenarkan untuk memperbaharui sijilnya dan namanya hendaklah dianggap sebagai telah dikeluarkan oleh Majlis dari Daftar Peguam Syarie; dan jika dia berhasrat supaya dilantik semula sebagai Peguam Syarie, dia hendaklah memohon mengikut sepertimana yang ditetapkan oleh kaedah 22.

#### **Sekatan**

25. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan amalan sebagai Peguam Syarie atau melakukan apa-apa perbuatan sebagai Peguam Syarie melainkan dia adalah menurut subkaedah 8(4), dianggap sebagai telah dilantik menjadi Peguam Syarie oleh Kaedah-kaedah ini, atau dia telah dilantik dengan sempurnanya sebagai Peguam Syarie mengikut Kaedah-kaedah ini.

(2) Tiada seseorang pun boleh menjalankan amalan sebagai Peguam Syarie atau melakukan apa-apa perbuatan sebagai Peguam Syarie jika suatu perintah penggantungan ke atasnya di bawah perenggan 20(b) masih berkuat kuasa.

#### **Penalti**

26. Mana-mana orang yang melanggar subkaedah 25(1) atau (2) adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan, dihukum dengan denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dengan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

#### **Pemansuhan dan kecualian**

27. (1) Kaedah-kaedah Peguam Syarie 1991 [Sel. P.U. 222/1991] dengan ini dimansuhkan.

(2) Seseorang yang kepadanya telah dikeluarkan lesen sebagai Peguam Syarie di bawah Kaedah-kaedah yang dimansuhkan itu hendaklah disifatkan sebagai telah diterima sebagai Peguam Syarie di bawah Kaedah-kaedah ini.



## JADUAL 1

[Subkaedah 9(1)]

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM  
(NEGERI SELANGOR) 2003

KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE (NEGERI SELANGOR)  
2008

BORANG PERMOHONAN UNTUK DITERIMA MASUK  
SEBAGAI PEGUAM SYARIE

Sila  
Lekatkan  
Gambar  
Ukuran  
Pasport

Pengerusi  
Jawatankuasa Peguam Syarie Negeri Selangor

Dengan hormatnya saya memohon untuk dilantik sebagai Peguam Syarie dan dikemukakan butir-butir mengenai diri saya seperti berikut:

(Hendaklah diisi oleh Pemohon dalam Huruf Besar)

1. Nama :
2. Lain-lain nama (jika ada) :
3. No. Kad Pengenalan :
4. Jantina :
5. Tarikh Lahir :
6. Tempat Lahir :
7. Taraf Perkahwinan :
8. Kewarganegaraan :
9. Bangsa :
10. Agama :
11. Nama dan alamat firma :  
(sekiranya Pemohon seorang  
peguambela dan peguamcara)

12. Alamat surat-menyurat :

13. No. telefon : (a) ..... (r)  
 (b) ..... (p)  
 (c) ..... (h/p)  
 (d) ..... (No. fax)  
 (e) ..... (e-mail)

14. Alamat Kediaman :

15. Kelayakan dan Kelulusan :

16. Pengalaman :

17. Butiran lain (jika ada) :

Saya dengan ini mengaku bahawa segala keterangan yang tersebut di atas adalah benar.

Saya juga mengakui bahawa saya—

- (i) tidak pernah disabitkan di Malaysia atau di mana-mana tempat lain atas apa-apa kesalahan jenayah (di bawah mana-mana undang-undang bertulis) yang menjadikannya tidak layak menjadi seorang Peguam Syarie, khususnya, tetapi tidak terhad kepada, sesuatu kesalahan berkenaan dengan penipuan atau kecurangan;
- (ii) bukan sedang menjadi bankrap; atau
- (iii) tidak pernah didapati bersalah atas apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang dinyatakan dalam perenggan 33(6)(a), (b), (c), (e), (f), (h), (k) atau (l) Akta Kebankrapan 1967.

Bertarikh: .....

.....  
*Tandatangan Pemohon*

**PERINGATAN:**

Pemohon hendaklah mengemukakan salinan sijil, testimonial, perakuan dan dokumen lain yang berkaitan yang diperakui sah untuk menyokong permohonannya.



## JADUAL 2

[Subkaedah 13(2)]

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM  
(NEGERI SELANGOR) 2003

KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE (NEGERI SELANGOR) 2008

## SIJIL PEGUAM SYARIE

BAHAWASANYA dengan ini diperakukan bahawa .....

No. Kad Pengenalan: ..... No. Siri Daftar:.....  
telah diterima sebagai Peguam Syarie di bawah Kaedah-kaedah Peguam  
Syarie (Negeri Selangor) 2008 pada ..... hari bulan ..... 20.... dan  
sah sehingga dibatalkan oleh Jawatankuasa Peguam Syarie Negeri Selangor.

## METERAI

Tarikh dikeluarkan M .....

H .....

.....  
*Pengerusi*  
*Majlis Agama Islam Selangor*





JADUAL 3

[Subkaedah 15(2)]

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM  
(NEGERI SELANGOR) 2003

KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE (NEGERI SELANGOR) 2008

SIJIL AMALAN GUAMAN SYARIE

Dengan ini diperakui bahawa:

Nama:

No. Kad Pengenalan:

No. Siri Daftar:

Alamat Firma:

Adalah bebas menjalankan amalan sebagai Peguam Syarie dalam Mahkamah Syariah di seluruh Negeri Selangor berkuat kuasa dari ..... hari bulan ..... 20..... hingga ..... hari bulan ..... 20.....

METERAI

Tarikh dikeluarkan M .....  
H .....

.....  
*Pengerusi*  
*Jawatankuasa Peguam Syarie*  
*Selangor*



## JADUAL 4

[Subkaedah 24(2)]

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM  
(NEGERI SELANGOR) 2003

KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE (NEGERI SELANGOR) 2008

PERMOHONAN PEMBAHARUAN SIJIL AMALAN GUAMAN SYARIE

Pengerusi

Jawatankuasa Peguam Syarie Negeri Selangor

Dengan hormatnya saya memohon bagi membaharui Sijil Amalan Guaman Syarie bagi tempoh dua belas bulan berkuat kuasa dari ..... hari bulan..... 20.... hingga ..... hari bulan ..... 20.... dan butiran diri saya adalah seperti berikut:

(Hendaklah diisi oleh Pemohon dengan Huruf Besar)

1. Nama :
2. No. Kad Pengenalan :
3. No. Siri Daftar :
4. No. Sijil Peguam Syarie :
5. Tarikh Tamat Sijil :
6. No. Sijil Amalan Guaman Syarie :
7. No. Faks :
8. E-mel :
9. Nama dan Alamat firma :
10. Alamat Surat-Menyurat :

11. No. Telefon : (a) .....(P)  
 (b) .....(R)  
 (c) .....(H/P)
12. Alamat Kediaman :
13. Butiran lain (jika ada) :

Saya dengan ini mengaku bahawa saya tidak pernah disabitkan di Malaysia atau di mana-mana negara lain atas apa-apa kesalahan jenayah dan saya bukan seorang bankrap.

Saya mengaku bahawa segala butiran yang tersebut di atas adalah benar.

Bertarikh : .....

.....  
*Tandatangan Pemohon*

**PERINGATAN:**

Pemohon hendaklah mengemukakan salinan sijil, testimonial, perakuan dan dokumen lain yang diperakui sah untuk menyokong permohonannya.

---

**BAGI KEGUNAAN JAWATANKUASA**

Tarikh diterima :  
 Amaun Fi :  
 No. Resit :  
 Dicatatkan dalam Daftar Peguam Syarie pada :

Dibuat 7 November 2008  
 [JAKESS.100.25/2/18 Jld. 2; P.U Sel. Am 0181/08/TS]

DATO' SETIA HAJI MOHAMAD ADZIB BIN MOHD ISA  
*Pengerusi*  
*Majlis Agama Islam Selangor*